

MUTIARA KATA

Sastera lebih hidup daripada kehidupan, gagasan lebih tahan daripada kenyataan.

Muhammad Haji Salleh

SIDANG EDITOR

PENAUANG

Dato' Dr. Firdaus Abdullah
Ketua Pengarah DBP

PENASIHAT

Hjh. Noresah Baharom
Pengarah Jabatan Bahasa DBP

Othman Ismail
Ketua Bahagian Pengembangan
Bahasa Melayu DBP

KETUA EDITOR

Mashitah Taharin
(mashitah@dbp.gov.my)

TIMBALAN KETUA EDITOR

Normala Mohamad Yusof
(normala@dbp.gov.my)

EDITOR DBP

Hajjah Jais
(hajjah@dbp.gov.my)

Rokiah Nordin

(rokiah@dbp.gov.my)

Raja Masittah Raja Ariffin
(masittah@dbp.gov.my)

Shahrudin Nizal Mohd. Nor
(shahrudin@dbp.gov.my)

Wan Khairoslinda Wan Mohd.
Khairi
(linda@dbp.gov.my)

Wan Mohd Saophy Amizul Wan
Mansor
(amizul@dbp.gov.my)

Ismail Karmun
(karmun@dbp.gov.my)

PENYELARAS LAMAN WEB

Rohana Yahaya
(rohana@dbp.gov.my)

EDITOR DAWAMA SDN. BHD.

Norida Jalaluddin
(norida@dawama.com.my)

EDITOR SASTERA BHSB

Salbiah Ani
(bhsastera@nstp.com.my)

REKA LETAK

Unit Grafik
Berita Harian

PENGIKLANAN

A.R. Sivarajan
(arsiva@nstp.com.my)

FOTO

Jalil Kasim

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
Tel: 03-21482875
Faks: 03-21422029

RENCANA EDITOR



TAKEKAL kenal maka tak cinta. Begitulah bunyi ungkapan yang sering bermain di bibir kita. Cinta bukan sahaja bermakna cinta kepada orang, tetapi juga perasaan sayang terhadap bahasa, bangsa dan negara. Bagaimanakah kita membuktikan kasih sayang kepada seseorang? Tentu sekali dengan mengungkapkan kata-kata atau memberikan perhatian yang sewajarnya. Bagaimana pula kita boleh melahirkan cinta kita terhadap bahasa, bangsa, dan negara? Bolehkah kita menganggap diri kita sebagai bangsa Malaysia jika kita tidak menggunakan bahasa kebangsaan, bukan sahaja dengan orang yang tidak memahami bahasa kita malahan sesama kita?

Rata-rata kebanyakan bangsa asing terutama orang Barat yang datang ke negara ini, menyatakan kehampaan mereka kera-

Hilang Bahasa Lenyaplah Bangsa

na tidak dapat belajar bahasa Melayu dengan kita kerana kebanyakan kita ghairah untuk bercakap dengan mereka dalam bahasa Inggeris. Mereka lebih mengenali bahasa Indonesia kerana kalau kita pergi ke Indonesia, mereka berbahasa Indonesia walaupun bercakap dengan 'orang putih' atau 'Mat Saleh'.

Di samping peranan masyarakat, pihak media juga harus memainkan peranan dalam usaha pemertabatan bahasa kebangsaan. Media sangat berpengaruh dalam masyarakat, khususnya pelajar. Media bolehlah dianggap sebagai duta bahasa dalam kalangan pelancong atau warga asing yang datang atau tinggal di negara ini. Oleh itu, pihak media tidak seharusnya ghairah menggunakan kata-kata seperti 'bajet', 'sure heboh', 'advertensi' dan 'rakan cop' dan sebagainya

yang tidak melambangkan jati diri bangsa kita. Kata-kata tersebut berbentuk slanga yang tidak sewajarnya digunakan dalam bahasa tulisan atau situasi rasmi. Walhal, kita ada 'belanjawan' bagi menggantikan 'bajet', 'pasti meriah' bagi 'sure heboh', 'iklan' bagi 'advertensi' dan rakan polis lebih tepat daripada 'rakan cop'. Apakah kita lupa bahawa bahasa kita mempunyai dua bentuk utama, iaitu bahasa percakapan dan bahasa tulisan. Oleh itu, kata 'bajet' dan bentuk bahasa rojak lain tidak seharusnya digunakan dalam media cetak mahupun elektronik.

Biarlah bahasa yang kita gunakan melambangkan jati diri kita. Bak kata pepatah, "Bahasa menunjukkan bangsa, hilang bahasa lenyaplah bangsa".
mashitah@dbp.gov.my

NUKLEUS Bersama Hajah Noresah Baharom



Sapaan yang Rancu

"MAK cik mahu makan apa?" Demikianlah sapaan yang keluar dari mulut pekerja Indonesia kepada seorang pelanggan wanita Melayu yang kelihatan jauh lebih muda daripadanya dan gayanya juga seperti wanita profesional.

"Mengapa dia panggil orang itu mak cik? Dia tak sedarlah dia lagi tua? Saya tak fahamlah", begitulah bunyi rungutan pekerja Bangladesh yang bekerja di Restoran yang sama. Nampaknya lelaki Bangladesh itu lebih memahami bahasa dan nilai budaya Melayu berbanding dengan warga dari negara serumpun kita.

Peristiwa di atas mengingatkan saya tentang satu lagi senario di kaunter sebuah hotel di Jakarta, Indonesia. Rombongan dari Malaysia yang terdiri daripada pakar bahasa dan pakar bidang hidrometeorologi ke Jakarta dalam rangka mesyuarat penyelarasan istilah dengan negara anggota Mabbim (Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia). Rombongan kami terdiri daripada empat orang lelaki dan dua orang perempuan. Sesampai sahaja kami di hotel yang berkenaan untuk mendaftar masuk, petugas di kaunter hotel itu terus menghulurkan senyuman lalu menyapa kami: "Mak cik, boleh saya bantu? Apa khabar bang?" Mendengarkan sapaan itu, kami saling memandang satu sama lain. Yang pastinya rakan-rakan kami yang lelaki itu bera-sa begitu seronok sekali dipanggil abang, tetapi kami yang dipanggil 'mak cik' terasa begitu tersinggung, kerana kata sapa 'abang' tidak setara dengan 'mak cik'.

Dua senario yang dipaparkan di atas jelas menunjukkan perbezaan makna dan nilai emosi atau konotasi yang terkandung dalam ungkapan tertentu yang digunakan di Malaysia yang

kadangkala kurang difahami oleh rakan kita dari negara jiran. Walaupun bahasa Melayu dan bahasa Indonesia merupakan bahasa serumpun yang berkongsi banyak persamaan, namun disebabkan perbezaan geopolitik dan sosiobudaya, kadangkala terdapat perbezaan makna bagi kata yang sama.

Kamus Dewan merakamkan makna 'mak cik' sebagai mak muda bagi makna pertama, dan panggilan kepada perempuan yang separuh umur yang bukan ada hubungan keluarga sebagai makna kedua. Ini bermakna 'mak cik' boleh digunakan dalam dua konteks yang berbeza, iaitu apabila seseorang yang berpangkat anak saudara menyapa ibu saudaranya yang agak muda kedudukannya dalam adik-beradik ibu atau bapanya, ataupun apabila seseorang yang agak muda usianya, iaitu yang boleh dianggap berpangkat anak menyapa seorang wanita yang separuh umur yang tidak mempunyai pertalian darah. Lazimnya kata sapaan 'mak cik' digunakan dalam situasi tidak rasmi. *Kamus Dewan* juga memberikan empat makna bagi kata 'abang', iaitu saudara lelaki yang lebih tua (dalam adik-beradik), panggilan kepada sepupu laki-laki yang lebih tua, panggilan kepada lelaki yang lebih tua sedikit (yang tidak mempunyai hubungan keluarga), dan panggilan kepada suami. Panggilan abang dalam ketiga-tiga konteks terakhir ini lazimnya digunakan dalam situasi tidak rasmi.

Sapaan terhadap pelanggan dalam situasi jual beli di restoran ataupun di kaunter hotel, sepatutnya menggunakan kata sapaan dalam situasi rasmi. Oleh itu, kata sapaan 'mak cik' dan 'abang' memang tidak sesuai dan boleh membawa implikasi yang agak negatif dari segi hubungan sosial

dan juga perniagaan. Dalam kedua-dua senario di atas, kata sapaan 'puan' lebih sesuai daripada 'mak cik', apatah lagi yang disapa itu jauh lebih muda daripada yang menyapa. Begitu juga dengan kata sapaan encik atau tuan lebih sesuai daripada 'abang' atau 'pak cik' bagi menyapa kaum lelaki, terutama golongan profesional.

Dalam kedua-dua konteks di atas, kekeliruan timbul kerana orang Indonesia beranggapan bahawa padanan bahasa Melayu bagi kata sapaan ibu yang merupakan panggilan hormat kepada wanita di Indonesia ialah 'mak cik', manakala padanan bagi bapak pula disangka 'abang' di Malaysia. Sebaliknya di Malaysia, kata sapaan ibu tidak menepati kebiasaan peraturan sosial di sini. Dengan demikian, amat tidak wajar jika pembantu rumah dari Indonesia memanggil majikan lakinya sebagai bapak dan majikan perempuan sebagai 'ibu' di Malaysia. Panggilan yang lebih tepat ialah **puan** bagi majikan perempuan dan **encik** atau **tuan** bagi majikan lelaki.

Kata sapaan 'abang' dan 'kakak' dalam kalangan masyarakat Malaysia sendiri kadangkala boleh dipertikaikan, terutamanya dalam situasi rasmi. Kata sapaan 'abang' dan 'pak cik' atau 'kakak' dan 'mak cik' tidak sewajarnya diamalkan dalam situasi rasmi, seperti di pejabat kerana boleh menimbulkan pelbagai implikasi. Antaranya ialah hilangnya rasa hormat antara pekerja bawahan dengan pekerja atasan, hilang nya profesionalisme kerja, dan lama-kelamaan kemesraan yang terjalin boleh mencetuskan hubungan interpersonal yang kurang sihat yang boleh menjejaskan prestasi kerja. Dalam situasi rasmi, kata sapaan **encik**, **tuan**, **cik**, **puan** dan gelaran kehormatan atau profesional yang lain hendaklah digunakan.

SURAT

SAUDARA Ketua Editor,

Bolehkah kita menggunakan perkataan gabungan bahasa Melayu-bahasa Inggeris seperti "Rakan Cop", "Sure Heboh" dan banyak lagi yang sering digunakan sekarang? Tidakkah ini menyalahi peraturan bahasa kita? Sekian, terima kasih.

Daripada
Mohd Riduwan bin Jamaluddin,
No. 49, Batu 6, Kampung Padang,
06600 Kuala Kedah,
Kedah Darul Aman.

Saudara,
"Rakan Cop" dan "Sure Heboh" adalah

antara contoh penggunaan bahasa rojak yang sepatutnya tidak berlaku, kerana ia melambangkan sikap meremehkan atau tidak mengutamakan bahasa kebangsaan. Ekoran daripada langkah kerajaan untuk memperkasakan semua bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, TV3 pada malam Ahad lalu (12 Mac 2006) telah mengumumkan penukaran nama "Sure Heboh" kepada "Jom Heboh". Tahniah harus diberikan kepada pihak TV3 kerana mengambil kira teguran masyarakat dan kesanggupan mereka untuk menukar nama karnival tersebut, meskipun perubahan tersebut melibatkan kos. Diharapkan pihak Polis Diraja Malaysia dan pihak-pihak lain juga akan mengikut langkah TV3 untuk menggunakan sepenuhnya bahasa kebangsaan dalam penciptaan nama khas. Oleh itu,

"Rakan Cop" sewajarnya ditukarkan kepada "Rakan Polis". Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasma dalam hal kebahasaan termasuklah dalam hal penamaan nama khas, seperti nama tempat dan nama jalan yang boleh melambangkan jati diri bangsa Malaysia. Semoga dalam usaha kita memilih nama yang singkat dan menarik, kita tidak mengorbankan keindahan bahasa kita.

● Pengirim surat ini akan menerima cenderamata istimewa daripada *Klik DBP*. Hantarkan pendapat atau pertanyaan anda kepada Ketua Editor, *Klik DBP*, Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur atau e-mel: mashitah@dbp.gov.my.